

05/08/1998

Sayur ditanam sekitar kolej

MELAKA, Selasa - Kawasan tanah di sekitar Kolej Kejururawatan Hospital Melaka di sini yang dahulunya terbiar, kini ditanam dengan pelbagai jenis sayur-sayuran oleh penuntut serta kakitangan kolej berkenaan.

Usaha itu juga bertujuan menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menanam sayur-sayuran untuk menjimatkan kos perbelanjaan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong, berkata usaha yang dilakukan itu perlu dicontohi semua hospital dan Pusat Kesihatan Kecil di negeri ini.

Katanya, tanah terbiar yang dipenuhi dengan pelbagai tanaman juga boleh menyegarkan mata memandang, selain menghindarkan kawasan ditumbuhi rumpai meliar.

"Hasil tanaman sayuran ini boleh dijadikan sumber bahan makanan dan kakitangan serta penuntut di sini, tidak lagi perlu membeli sayur-sayuran," katanya pada perasmian kebun sayur dan perpustakaan baru, kolej itu, di sini, hari ini.

(END)